

22/08/1998

Deklamasi puisi di Kampung Chengal hari ini

KUALA LUMPUR, Jumaat - Beberapa pendeklamasi akan mengambil bahagian pada pembacaan puisi daripada antologi "Tanah Serendah Sekebun Bunga" di Kampung Chengal, Kadok, Kelantan, Sabtu ini.

Acara itu dijangka dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, sempena lawatan beliau ke kampung itu, kata penyelenggara antologi puisi itu, Prof Datuk Dr Hashim Yaacob.

Persembahan puisi akan dijayakan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Noordin Razak, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), A Aziz Deraman, Dr Zamri Radzi, dalang wayang kulit Dollah Baju Merah dan Osman Hulubalang.

Antologi "Tanah Serendah Sekebun Bunga" adalah himpunan puisi karya penulis yang berasal dari Kelantan.

(END)